

Raikan Ramadhan dengan Al-Quran



Seramai 30 orang murid terdiri daripada murid tingkatan 4,5 dan 6 dan 6 orang guru telah menyertai Majlis Khatam Al-Quran peringkat SMK Labuan pada Jumaat lalu.

Majlis diadakan di Dewan Mutiara sekolah berkenaan turut dihadiri oleh semua guru dan murid sesi pagi seramai lebih 600 orang.

Majlis dimulai dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang telah dialunkan oleh Adik Muhammad Daniel Danish bin Atzuwan dari kelas 2 Berkat dan bacaan terjemahannya oleh Adik Muhamad Yunus bin Ganzuan dari kelas 2 Efektif.

Seterusnya peserta khatam Al-Quran telah membacakan surah Ad-Dhuha dan diakhiri dengan Surah An-Nas yang dipimpin oleh khalifah khatam iaitu Ustaz Mohd Sanusi bin Ya.

Ustaz Mohd Sanusi

Majlis diserikan lagi dengan tausiyyah bertajuk "Kemuliaan Ramadhan" yang turut disampaikan oleh Ustaz Mohd Sanusi.

"Ramadhan adalah hadiah istimewa kepada umat Islam kerana kelebihanannya melebihi 1000 bulan"

"Adalah satu kerugian jika kita berpuasa namun tidak disertai dengan amalan-amalan yang lain seperti bersedekah, membaca Al-Quran dan berterawih setiap malam" kata beliau.

Menurut penyelaras program, Ustazah Jamaliah binti Mohd Said berkata majlis khatam Al-Quran adalah aktiviti kemuncak program Ihya' Ramadan yang diadakan sepanjang

bulan Ramadan.

Di akhir majlis, pengetua sekolah telah menyampaikan infaq ramadhan berupa bag makanan kepada penerima-penerima yang layak.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Penolong Kanan HEM, Puan Jamaliah Razali, Penolong Kanan Tingkatan Enam, Encik Saminan Sabtu dan Penolong Kanan Petang, Encik Abdul Ghafar Sallleh.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



